

## 2 pasangan suami isteri pilu anak tak sempat terima ijazah

UM (Hc. Kemys) Rabu 17/10/11 - M/S 26

KUANTAN 12 Okt. – Di kala melihat para graduan meraikan kejayaan dan ucapan tahniah bersama keluarga masing-masing, dua pasang suami isteri pilu apabila tidak dapat menikmati saat-saat terindah itu bersama anak kesayangan mereka.

Ibu bapa kepada dua graduan yang meninggal dunia baru-baru ini, Mohd. Nasruddin Amir Nazri, 23, dan Mohd. Faruq Sa'adun, 23, tidak dapat menahan kesedihan apabila kedua-dua anak mereka itu tidak sempat menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang dekat sini baru-baru ini.

Menurut ibu kepada Mohd. Nasruddin, Sharifah Rabziah Syed Ali, 53, dia terharu kerana tidak dapat menyaksikan anak bongsunya naik ke atas pentas untuk mengambil ijazah.

"Walaupun cita-cita Nasruddin tidak tercapai untuk menjadi seorang jurutera, namun saya amat berbangga dengan usaha gigihnya selama ini demi mendapat segulung ijazah dalam bidang yang diminatinya tercapai."

"Saya cukup merasai kehilangannya kerana beliau seorang anak yang baik dan taat pada ibu bapa, selain itu, dia suka mengajak saya dan ayahnya untuk mendengar ceramah di masjid," katanya.

Mohd. Nasruddin yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal meninggal dunia kerana terbabit dengan kemalangan jalan raya di Jasin, Melaka ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halamannya di Felda Lepar Hilir, Gambang setelah tamat latihan industri.

Menurut Sharifah Rabziah, motosikal yang ditunggangnya katakan hilang kawalan lalu terbasas sehingga menyebabkan Mohd. Nasruddin terjatuh di atas jalan sebelum meninggal di hospital pada Jun lalu.

Tambahnya, walaupun Mohd. Nasruddin telah tiada, ijazah yang diperoleh anaknya itu akan menjadi tanda kenangan untuknya sekeluarga dan menjadi pendorong kepada adik beradiknya yang lain.

Sementara itu, Alawiyah Yaakub, 50, ibu



TENGKU Abdullah Sultan Ahmad Shah menyerahtera transkrip ijazah kepada Sa'adun Sharif, bapa kepada graduan yang meninggal dunia akibat penyakit leukemia pada Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP di Dewan Kompleks Sukan UMP, baru-baru ini.

kepada Mohd. Faruq berkata, anaknya meninggal dunia kerana menghadapi penyakit Leukimia pada bulan lalu.

Katanya, Mohd. Faruq yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam mula mengidap leukemia sejak berusia 14 tahun, namun semangatnya tidak pernah pudar malah sentiasa bersemangat untuk

meneruskan pelajaran hingga berjaya menamatkan pengajian di UMP.

"Saya terima dengan redha takdir ini dan mengharapkan ia akan menjadi pendorong kepada tiga adiknya untuk terus belajar bersungguh-sungguh," katanya.

Mohd. Faruq yang merupakan anak kedua daripada lima beradik bagi pasangan Alawiyah

dan Saadun amat rapat dan penyayang di kalangan adik beradiknya.

Majlis konvokesyen tersebut disempurnakan oleh Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan baginda berkenan menyerahtera transkrip kepada dua keluarga tersebut di kamar Canselor, Kompleks Sukan UMP.